



# KENYATAAN MEDIA

## KOMEN BAJET 2018

**MENTERI KERJA RAYA, YB DATO' SRI FADILLAH YUSOF**

Bajet 2018 yang bertemakan "Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50", bersifat inklusif, bertanggung jawab dan komprehensif. Bajet 2018 berpaksi kearah usaha meraih pertumbuhan ekonomi mapan yang berterusan menyentuh semua lapisan masyarakat dari kota hingga ke desa serta mengambilkira semua projek kecil, sederhana dan besar.

Dalam bajet yang dibentangkan pada petang ini, tumpuan masih diberikan bagi memastikan pelaburan infrastruktur menjadi pemangkin kukuh pertumbuhan jangka panjang ekonomi negara. Bagi Kementerian Kerja Raya (KKR), kita amat bersyukur dan berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana masih meneruskan agenda utama negara iaitu kesejahteraan dari seluruh pelusuk negara.

Kerajaan terus komited melaksanakan projek dan program Rakyat Centric di bandar dan luar bandar melalui Projek Central Spine Road, dengan RM230 juta diperuntukkan untuk tahun 2018 yang melibatkan jajaran Raub ke Bentong, dan jajaran Gua Musang, Kelantan ke Kampung Relong Pahang. Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat dari Banting ke Taiping juga sedang dibina dengan kos RM5 bilion. Ini bagi meningkatkan jaringan perhubungan kampung, pekan dan bandar. Bagi memudahkan

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

Telefon : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | FAX : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my

jaringan pengangkutan di Pelabuhan Klang sebanyak RM110 juta disediakan bagi penyediaan jalan altenatif. Ini membolehkan jaringan jalan akan lebih effisien dan ini akan membantu perkhidmatan mobiliti rakyat.

Dalam menjayakan *Industrial Building System* (IBS) peruntukan terbesar sebanyak RM2.5 bilion telah diberi dalam tempoh dua tahun dengan pecahan RM500 juta untuk sekolah daif di Semenanjung Malaysia, RM1 billion di Sabah dan RM1 bilion di Sarawak.

Kerajaan akan terus mengotakan janji melalui pembinaan Lebuhraya Pan-Borneo (LPB). Sebanyak RM2 bilion bagi LPB. Bagi Sarawak, kesemua 11 pakej pembinaan telah diagihkan, manakala 5 daripada 35 pakej Fasa Pertama di Sabah sudahpun dianugerahkan dan 12 lagi dalam proses tender. Turut diperuntukkan RM1.1 bilion bagi projek mesra rakyat seperti menaik taraf jambatan, lampu jalan kampung, surau serta pasar.

Lain-lain peruntukan yang diterima oleh Sabah dan Sarawak bagi bajet 2018 ialah RM1 bilion diperuntukkan melalui SKMM, untuk membangunkan infrastruktur komunikasi serta kemudahan jalur lebar di Sabah dan Sarawak. RM934 juta untuk projek jalan luar bandar, termasuk hampir RM500 juta untuk Sabah dan Sarawak. Manakala sebanyak RM672 juta untuk bekalan elektrik, termasuk RM620 juta melibatkan 10 ribu rumah luar bandar. RM50 juta diperuntukkan untuk pemetaan dan pengukuran tanah-tanah adat, iaitu RM30 juta untuk Sarawak manakala RM20 juta untuk Sabah.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

Sudah pasti berita memansuhkan empat kutipan tol amat mengembirakan hari rakyat Malaysia. Tol yang terlibat ialah tol di Batu Tiga, Shah Alam, tol Sungai Rasau di Selangor, Bukit Kayu Hitam, Kedah dan tol di Eastern Dispersal Link, Johor. Pemansuhan pembayaran tol ini berkuatkuasa pada mulai 1 Januari 2018.

**YB. DATO' SRI HJ. FADILLAH HJ. YUSUF**  
**27 OKTOBER 2017**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

 : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 |  : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my